

Produk IKS tempatan dapat tempat di Singapura



SINGAPURA - Agrobazaar Malaysia (Agrobazaar) menyasarkan jualan produk usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan mampu mencapai S\$300,000 (RM900,000) pada tahun ini berdasarkan permintaan baik pengguna di sini.

Antaranya produk sejuk beku seperti keropok lekor, karpap segera, jus buah-buahan, rempah

NOOR HISHAM menunjukkan sebahagian daripada produk usahawan IKS tempatan ketika ditemui di Pasar Raya Besar BigBox, Jurong, Singapura semalam.

ratus, kicap dan serbuk kopi.

Pengurus Besarnya, Noor Hisham Mohamad Sainan berkata, sasaran tersebut realistik berdasarkan jualan semasa yang memberangsangkan.

"Jualan kita tahun lalu sebanyak S\$178,000 (RM534,000) manakala sehingga Julai lalu nilai jualan mencecah S\$120,000 (RM360,000).

"Ini menunjukkan produk usahawan tempatan kita disukai pelanggan di sini," katanya.

Beliau ditemui pada lawatan media Malaysia di Pasar Raya Besar BigBox, Jurong di sini semalam.

Agrobazaar Malaysia dibuka oleh

Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia bagi mempromosi, memasarkan dan menjual produk usahawan tempatan di negara Kota Singa ini bermula di Agrobazaar Malaysia di Jalan Sultan Gate di sini pada 2014.

Empat lagi cawangan Agrobazaar Malaysia dibuka tahun lalu iaitu di pasar raya besar BigBox Jurong, Global Halal Hub, pasar raya Mustafa Centre dan pasar raya Cold Storage.

Ketika ini sebanyak 690 pelbagai produk daripada 290 usahawan IKS tempatan dijual di semua cawangan Agrobazaar Malaysia di Singapura.

160 SMO